From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KEM KEPIMPINAN ASASI PENGURUSAN PERKASA JATI DIRI, GILAP KARISMA PEMIMPIN MUDA
Date: Thursday, 10 September, 2026 9:07:20 AM
Attachments: image002.png
image003.png

10 SEPTEMBER 2026 / 28 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Nur Hidayah Abdullah
Gambar oleh: Husna R Badlishah, Nur Haziqa Nordin dan Ilyas Nik Umak

KEM KEPIMPINAN ASASI PENGURUSAN PERKASA JATI DIRI, GILAP KARISMA PEMIMPIN MUDA



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Seramai 79 pelajar Program Asasi Pengurusan Sesi 2026/2027 menyertai Kem Kepimpinan Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan yang berlangsung selama tiga hari dua malam, bermula 27 hingga 29 Ogos 2026 di White Resort Camp, Balik Pulau.


Kem Kepimpinan tersebut merupakan antara inisiatif pembangunan pelajar yang dianjurkan oleh Pusat Asasi Pengurusan (PAP) bagi membentuk dan memperkukuhkan keupayaan kepimpinan dalam kalangan Ahli Majlis Tertinggi, EXCO dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2026/2027.
Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman berkata, Kem Kepimpinan merupakan platform yang signifikan dalam membentuk sahsiah, meningkatkan kompetensi kepimpinan serta memperkukuh semangat kerjasama berpasukan dalam kalangan pemimpin pelajar.



Menurutnya, program tersebut turut menjadi wadah untuk melahirkan pemimpin pelajar yang bukan sahaja berkeupayaan dalam mengurus dan memimpin organisasi, malah memiliki nilai sahsiah dan disiplin yang tinggi.

“Sebagai pemimpin pelajar, anda bukan sahaja perlu memikul tanggungjawab untuk memimpin, malah turut menjadi contoh kepada rakan-rakan dalam aspek sahsiah dan disiplin.

“Justeru, kem ini menjadi medan untuk membentuk nilai kepimpinan yang berteraskan amanah, tanggungjawab, integriti dan hormat,” katanya ketika merasmikan Kem Kepimpinan Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2026/2027.



Sepanjang tiga hari program, peserta menyertai pelbagai aktiviti yang merangkumi latihan kepimpinan, kemahiran insaniah, kerja

berpasukan, ketahanan fizikal dan kerohanian menerusi lapan modul yang disusun secara berperingkat.
Pelaksanaan aktiviti tersebut turut menerapkan pendekatan *experiential learning* yang memberi peluang kepada peserta memperoleh pengalaman secara langsung melalui pelbagai situasi dan cabaran, di samping menguji keupayaan berkomunikasi, bekerjasama, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara kolektif.
Selain aktiviti pembangunan kepimpinan, program turut memberi penekanan kepada aspek kerohanian dan pembentukan sahsiah menerusi tazkirah, solat berjemaah serta aktiviti senaman yang dilaksanakan sepanjang kem.



Bagi menghargai pencapaian dan penglibatan peserta, Ahmad Syazrin Nor Azizi dinobatkan sebagai Peserta Terbaik Lelaki, manakala Nur Ainul Mardhiyah Norazlan menerima Peserta Terbaik Perempuan.
Sementara itu, Hadi Nur Muhammad Hidayat, Thivashini Kalai Selvan dan Muhammad Umar Farhaan Mohd Ramli masing-masing menerima Anugerah Khas atas pencapaian dan penglibatan sepanjang program.



Ahmad Syazrin berkata, kem tersebut memberikan pengalaman yang bermakna dalam meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran bekerja dalam kumpulan, di samping memberi peluang kepada peserta memahami peranan serta tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar dan kepentingan kerjasama dalam melaksanakan tugasan secara berkesan.
Kem Kepimpinan Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2026/2027 diharapkan dapat melahirkan barisan pemimpin pelajar yang berpengetahuan, berintegriti, berdaya kepimpinan serta berkemahiran mengurus organisasi secara sistematik, di samping mampu membawa aspirasi universiti dalam merancang dan melaksanakan aktiviti yang memberi impak kepada pembangunan sahsiah serta kebajikan pelajar.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.